

Gerakan diingiat henti persoal ekuiti bumiputera

UM - 17/10/2006

Oleh S. ANAND KUMAR
dan YAZID ALIAS

KUALA LUMPUR 16 Okt. - Para pemimpin politik mengingatkan Gerakan berhenti mempersoalkan penguasaan bumiputera dalam ekuiti ekonomi negara sehingga boleh menimbulkan pandangan serong antara kaum.

Mereka berpendapat tindakan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik mengeluarkan kenyataan sedemikian tidak wajar dilakukan oleh seorang pemimpin yang berpengalaman luas dalam politik negara ini.

Malah, tindakan Keng Yaik itu dikatakan tidak bertanggungjawab dan boleh mewujudkan prasangka.

Naib Presiden UMNO, **Datuk Seri Mohd. Ali Rustam** berkata, kenyataan pemimpin nombor satu Gerakan itu jelas menunjukkan tindakan kurang bijak yang hanya bertujuan meraih populariti semata-mata.

Ini kerana, katanya, laporan kajian oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) berhubung ekuiti tersebut dikeluarkan atas kelulusan Kabinet.

"Tidak wajar beliau (Keng Yaik) mempersoalkan kaedah kajian EPU kerana ia turut membabitkan kementerian serta kelulusan beliau yang juga salah seorang menteri Kabinet.

"Kenyataan itu seolah-olah beliau mempunyai niat tidak baik selain satu cubaan murahan meraih sokongan politik bukan Melayu," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai menngulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang memberi ingatan terhadap pihak-pihak tertentu yang cuba menyindir kerajaan dengan memberi gambaran bahawa kerajaan tidak telus dalam isu ekuiti antara kaum di negara ini.

Ingatan tersebut dikeluarkan berikutan tindakan Gerakan yang mahu EPU mendedahkan secara telus kaedah kajian yang merekodkan bahawa penguasaan bumiputera dalam ekuiti ekonomi negara hanya sebanyak 18.9 peratus.

Keng Yaik menyifatkan bahawa terdapat sesuatu tidak kena dengan angka tersebut kerana tidak menampakan sebarang peningkatan berterusan sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) diper-

Tidak wajar beliau (Keng Yaik) mempersoalkan kaedah kajian EPU kerana ia turut membabitkan kementerian serta kelulusan beliau yang juga salah seorang menteri Kabinet

kenalkan pada 1970.

Sementara itu, Ketua Penerangan UMNO, **Tan Sri Muhammad Muhd. Taib** berkata, Gerakan sepatutnya menggunakan saluran betul sekiranya mahu menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul.

"Ini kerana, BN mempunyai banyak saluran yang boleh digunakan dalam menyuarakan sebarang cadangan mahu pun permasalahan.

"Mereka (Gerakan) boleh berbilang dalam mesyuarat BN secara dalaman. Itu memang semangat BN daripada dulu.

"Sebagai rakan dalam BN, Gerakan perlu percaya dan yakin dengan keputusan kerajaan yang jelas tidak pernah pinggirkan mana-mana kaum di nega-

ra ini," ujarnya.

Ketua Pemuda UMNO Johor, **Razali Ibrahim** pula berkata, pihaknya kesal dengan tindakan Keng Yaik yang sering mempersoalkan kepimpinan kerajaan.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Muar berkata, kerajaan tidak harus tunduk kepada permintaan Gerakan itu.

"Beliau (Keng Yaik) tidak harus mempersoalkan tindakan kerajaan kerana kerajaan tidak pernah membelakangkan rakyat.

Sementara itu, Pengerusi Biro Kajian Dasar, Kelab UMNO Luar Negara, **Datuk Rais Zainudin** menyifatkan tindakan Presiden Gerakan itu tidak berlandaskan tanggungjawab kolektif yang menjadi asas perpaduan BN.

MOHD. ALI RUSTAM
Naib Presiden
UMNO